

Adab-Adab Menyambut Hari Raya

بِسْمِ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَاوَاهُ، وَبَعْدُ.

'Eid al-Fitri atau Hari Raya Fitrah adalah hari yang disyariatkan umat Islam menyambutnya sebagai hari bergembira dan bersyukur di atas nikmat yang Allah swt anugerahkan kepada hamba-Nya yang berjaya melakukan ibadat pada bulan Ramadhan.

Oleh itu untuk mendapatkan kesempurnaan sambutan ini, hendaklah mengikut panduan sunnah Rasulullah saw menyambut Hari Raya, antaranya ialah;

1. Mandi sebelum keluar menunaikan solat Hari Raya.

Imam Malik rh meriwayatkan: "Sesungguhnya Abdullah bin Umar ra akan mandi pada pagi hari Raya al-Fitri sebelum beliau keluar ke tempat solat hari raya."

Al-Imam al-Nawawi menyebut para ulama' telah bersepakat atas sunatnya mandi untuk solat hari raya.

2. Makan sebelum keluar untuk menunaikan solat hari raya 'Eid al-Fitri dan untuk 'Eid al-Adha makan selepas solat.

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Imam al-Bukhari daripada Anas bin Malik katanya: "Sesungguhnya Rasulullah saw tidak keluar pada pagi hari Raya al-Fitri, sehinggalah Baginda makan terlebih dahulu beberapa biji tamar...dan baginda memakannya dalam jumlah yang ganjil." [HR Al-Bukhari: 953].

Sekiranya tidak ada tamar, makanlah sesuatu yang harus dimakan.

Al-Imam Ibnu Hajar al-Asqalani mengulas hadis ini dengan berkata: "Ini kerana untuk mengelakkan (anggapan)

adanya tambahan dalam berpuasa, ianya juga (petunjuk) bersegera mentaati arahan Allah swt (untuk tidak berpuasa pada hari tersebut)." [Fath al-Bari: 2/446].

3. Bertakbir pada hari Raya

Takbir hari raya adalah termasuk sunnah yang agung berdasarkan firman Allah swt: Maksudnya: "*Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu bertakbir mengagungkan Allah atas petunjuknya yang diberikan kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*" [Al-Baqarah: 185].

Daripada al-Walid bin Muslim katanya: "Aku bertanya kepada al-Auza'ie dan Malik bin Anas tentang menzahirkan takbir pada dua hari raya. Kata mereka berdua: "Ya, adalah Abdullah bin Umar menzahirkan takbir pada hari raya al-Fitri sehinggalah Imam keluar (untuk menunaikan solat raya)."

Waktu bertakbir bagi Hari Raya al-Fitri ialah bermula pada malam raya iaitu setelah tenggelamnya matahari pada hari akhir Ramadhan sehingga masuknya imam ke tempat solat untuk solat hari raya.

4. Lafaz Takbir Hari Raya

Di dalam Musannaf Ibnu Abi Syaibah dengan sanad yang sahih daripada Ibnu Mas'ud ra. yang bertakbir pada hari Tasyrik dengan lafaz:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، -اللَّهُ أَكْبَرُ-،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Maksudnya: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar dan bagi Allah segala puji-pujian."

Al-Mahamiliy (المحامللي) meriwayatkan dengan sanad yang sahih juga tentang lafaz takbir raya daripada Ibnu Mas'ud:

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَأَجَلٌ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Maksudnya: Allah Maha Besar sebesar-besarnya, Allah Yang Maha Besar sebesar-besarnya, Allah Yang Maha Besar dan Yang Maha agung, Allah Yang Maha Besar dan bagi Allah segala pujian." [Irwa' al-Ghaili: 3/126]

Kata ulama': Ada keluasan dalam lafaz takbir ini, mana-mana lafaz boleh dibaca dan amalkan.

Diangkat suara dalam melafazkan takbir bagi lelaki dan tidak bagi perempuan. Ia dilakukan di merata tempat; di masjid, di rumah dan di pasar-pasar.

5. Ucapan Tahniah Pada Hari Raya

Termasuk dalam adab berhari raya ialah menyampaikan ucap tahniah sesama muslim dengan sebarang ucapan yang baik seperti ucapan:

1. تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ - Semoga

Allah menerima (amalan) dari kami dan anda semua).

2. عِيدٌ مُبَارَكٌ - (Selamat) hari

raya yang diberkati.

Atau ucapan yang seumpama dengan di atas yang terdiri dari ungkapan-ungkapan tahniah yang dibenarkan. Jubair bin Nufair berkata: "Para sahabat Nabi saw apabila mereka bertemu sesama mereka pada hari raya mereka mengucapkan تَقَبَّلَ مِنَّا , Ibnu Hajar berkata: Isnad (riwayat ini) Hasan. [Fath al-Bari: 2/446].

3. Antara ucapan yang masyhur juga:

وكل عام وأنتم بخير

6. Berpakaian baru/cantik di Hari raya

Daripada Jabir ra. katanya: "Nabi saw mempunyai sehelai jubah yang baginda akan memakainya untuk dua hari raya dan hari Jumaat." [Sahih Ibnu Khuzaimah: 1765].

Memakai pakaian cantik pada hari raya ini adalah untuk kaum lelaki.

Adapun untuk kaum wanita mereka boleh mengenakan pakaian yang biasa (di sebelah luar/atasnya) seperti sabda Nabi saw: Maksudnya: "Jangan kamu tegah hamba perempuan Allah dari masjid Allah, tetapi hendaklah kaum wanita keluar dalam keadaan meninggalkan wangian" [HR: Ahmad dan Abu Daud "Sahih"].

Keluar dengan berpakaian biasa di luar dan tidak bertabarruj berhias dan mengenakan wangian yang boleh dilihat baunya oleh lelaki ajnabi.

Sekiranya wanita berkumpul dalam kelompok mereka sahaja tidak mengapa untuk berpakaian cantik.

7. Keluar ke tempat solat melalui jalan lain dan balik daripadanya melalui jalan yang lain.

Daripada Jabir bin Abdillah r.anhuma katanya: Maksudnya: "Adalah Nabi saw, pada hari raya baginda membezakan jalan (pergi dan balik dari solat hari raya)." [Al-Bukhari: 986]

Dikatakan terdapat beberapa hikmah dalam perbuatan ini;

i. Semoga dua jalan yang berbeza tersebut menjadi saksi di hadapan Allah pada hari kiamat nanti. Ini kerana bumi akan membicarakan pada hari kiamat apa yang dilakukan di atasnya dari perkara-perkara yang baik dan jahat.

ii Untuk menzahirkan syiar-syiar Islam.

iii. Untuk menzahirkan zikir kepada Allah swt.

iv. Untuk mengambil tahu keperluan orang-orang yang memerlukan sebarang bantuan atau untuk menziarahi sanak saudara dan menghubungkan silaturrahim.

8. Solat Hari Raya

Para ulama' berbeza pendapat tentang hukum solat hari raya. Sebahagian mengatakan hukumnya **sunat muakkad/ fardhu kifayah** dan **fardhu ain (wajib)**, berdosanya bagi sesiapa yang meninggalkannya. Inilah pendapat Mazhab Imam Abu Hanifah, pendapat ini dipilih juga oleh beberapa orang ulama' semasa.

Cara-caranya (kaifiyat) Solat Hari Raya.

a- Solat hari raya tidak perlu dilaungkan azan dan iqamah. Ditunaikan sebanyak 2 rakaat. Rakaat pertama ada 7 kali takbir dan rakaat kedua ada 5 kali takbir. Hukum bilangan-bilangan takbir ini adalah sunat bukan wajib. Jika takbir ini ditambah atau berkurang, solat hari raya tetap sah. Sunnah mengangkat tangan ketika takbir-takbir ini kerana *thabit* dari para sahabat Nabi saw.

b-Imam membaca pada rakaat yang pertama surah al-A'la (سبح اسم ربك الأعلى) dan pada rakaat kedua membaca al-Ghasyiah (هل أتاك حديث الغاشية) berdasarkan hadis riwayat Muslim, atau membaca surah Qaf (ق) pada rakaat pertama dan membaca surah al-Qamar (القمر) pada rakaat kedua, juga berdasarkan hadis riwayat Muslim. Kedua-dua bacaan ini sahih dari Nabi saw.

c- Dilakukan solat raya terlebih dahulu diikuti khutbah. Ini berdasarkan hadis Ibnu Abbas *r'anhuma* katanya:

"Aku menyaksikan Rasulullah saw menunaikan solat hari raya sebelum

khutbah, kemudian baginda berkhotbah."

d- Menyegerakan solat hari raya dan tidak memanjangkannya.

Disunatkan menyegerakan solat hari raya selepas terbitnya matahari (selepas waktu larangan).

Ibnu Hajar al-Asqalani telah menukilkan di dalam Fath al-Bari: "Telah sepakat para fuqaha' bahawa solat hari raya tidak dilaksanakan sebelum atau ketika terbit matahari, sebaliknya ia dilakukan ketika disunatkan solat sunat."

9. Keluar dengan berjalan kaki ke tempat solat hari raya

Ibnu Majah meriwayatkan daripada Ibnu Umar katanya: "Adalah Rasulullah saw keluar ke tempat solat Hari Raya dengan berjalan dan baginda pulang darinya juga dengan berjalan." [Sahih Ibnu Majah "Hasan"]

Kata Ibnu al-Munzir: "Orang yang berjalan kaki ke hari raya (tempat solat hari raya) adalah lebih baik dan lebih hampir kepada maksud tawadhu', dan tidak mengapa bagi sesiapa yang berkenderaan."

Bagi mereka yang uzur atau rumahnya jauh dari musalla / masjid tidak mengapa naik kenderaan.

10. Wanita yang uzur juga keluar menyaksikan solat hari raya.

Para wanita keluar untuk menunaikan solat hari raya adalah termasuk di dalam sunnah Nabi saw. Untuk menyaksikan perhimpunan umat Islam dan mendengar nasihat (khutbah).

Dari Umm Atiyyah r.'anha katanya: "Kami disuruh oleh Nabi saw untuk mengeluarkan mereka (semua wanita) pada hari raya al-Fitri dan al-Adha; wanita yang baru baligh atau hampir baligh, wanita haid dan anak dara. Adapun wanita haid diasingkan daripada tempat sembahyang."

11. Zakat Fitrah

Nabi saw menyuruh membayar zakat al-Fitr sebelum solat hari raya. Harus mengeluarkannya sehari atau dua hari lebih awal.

Imam al-Bukhari meriwayatkan: "Adalah mereka (sahabat Nabi saw) mengeluarkan (zakat al-Fitr) sebelum hari raya sehari atau dua hari."

KESALAHAN YANG DILAKUKAN PADA HARI RAYA.

Pergaulan/ikhtilat yang bebas pada Hari Raya.

Ramai dikalangan kita telah mengambil mudah dengan hari raya. Bila hari raya datang, mereka menganggap hari raya adalah 'hari free' iaitu hari yang terlepas dari ikatan agama (agama asing, kita asing). Mereka menganggap hari raya ini merupakan lesen bagi mereka untuk bebas bercampur gaul, bersalaman lelaki dan perempuan yang bukan mahram (Ajnabi: yang halal dinikahi), berpakaian dan berhias sebebannya bagi perempuan dan rumah-rumah pula dipenuhi dengan alunan muzik dan filem-filem yang melalaikan. Wallahu a'lam.

Semoga 'Eidil-Fitri yang kita sambut pada tahun ini dipenuhi dengan keberkatan dan kebajikan.

ثَقَبَلِ اللهُ مَنَّا وَمِنْكُمْ صَالِحِ الْأَعْمَالِ، وَكُلِّ عَامٍ وَأَنْتُمْ بِخَيْرٍ.

Akhukum: Abu Anas Madani,
PSD, 28 Ramadhan 1432H.

Sumbangan untuk Pondok Sungai Durian boleh disalurkan melalui akaun di bawah

NAMA AKAUN DI (Bank Islam Malaysia Berhad)	NO AKAUN
MADRASAH MUHAMMADIAH (Zakat, Derma)	03-072-01-011811-6
MADRASAH MUHAMMADIAH (Pembangunan Asrama / Pondok dll)	03-072-01-011983-9
MASJID AR-RAHMAN (Masjid Pondok Sungai Durian)	03-072-01-011294-2



www.dartaibah.com
(Siri 12)

رسالة

شهر رمضان المبارك

Risalah Ramadhan Al-Mubarak (5)

Sunnah-Adab Berhari Raya (Eid Al-Fitr)

Catatan:
Al-Faqir ıla Allah;



www.abuanasmadani.com

1432H - 2011